

Keputusan batalkan projek hidro elektrik Bakun

# Bukti pengorbanan kita terhadap pemeliharaan alam semulajadi - PM

UM 13 JUN 1990

SUBANG JAYA 12 Jun — Keputusan kerajaan membatalkan projek hidro elektrik Bakun, Sarawak membuktikan pengorbanan Malaysia terhadap pemeliharaan alam semulajadi di negara ini bagi kepentingan sejagat, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, rakyat sebenarnya terpaksa menanggung kos daripada pembatalan itu dari segi mendapatkan kemudahan bekalan elektrik yang lebih murah bagi keperluan jangka masa panjang.

Katanya, walaupun rancangan pembangunan negara tidak terjejas dengan keputusan itu tetapi kos pembangunan meningkat.

"Inilah pengorbanan Malaysia terhadap usaha mengekalkan alam semulajadi untuk kepentingan sejagat," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa mengenai Pemeliharaan Biokepelbagaian Tropika di sini pagi ini.

Rancangan membina hidro elektrik Bakun yang bernilai \$12,000 juta telah dibatalkan oleh kabinet pada bulan lalu dan diganti dengan projek projek kecil hidro elektrik di sepanjang Sungai Rajang.

Projek raksasa itu boleh mengeluarkan hampir 3,000 megawatt tenaga elektrik dan cukup untuk memenuhi keperluan seluruh negara serta di eksport ke negara-negara ASEAN.

Persatuan Sahabat Alam (SAM) dan pertubuhan pertubuhan alam sekitar antarabangsa membantah projek itu yang jika dilaksanakan akan melibatkan pemindahan kira-kira 4,000 penduduk di 15 buah kampung, serta meninggalkan kesan maksimum ke atas ekologi di Sarawak.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, keputusan kerajaan itu akan menyelamatkan satu kawasan ekologi yang besar dari ditenggelami air.

"Kita mengambil kira kepentingan sejagat dengan mengekalkan keadaan alam semulajadi di kawasan yang terlibat.

"Kita sanggup membatalkan projek itu yang kos menjanakannya berharga satu sen seunit dan sekiranya digunakan di Semenanjung Malaysia ia akan berharga tujuh sen seunit," katanya.

Katanya, keputusan membatalkan projek itu bermakna rakyat terpaksa terus membayar bekalan elektrik antara 17 hingga 24 sen seunit seperti yang dikenakan oleh Lembaga Letrik Negara (LLN).

"Apabila kita mengatakan bahawa kita akan membatalkan projek itu kita sebenarnya membayar kos yang tinggi baginya dan Malaysia bukanlah negara kaya.

"Negara-negara maju mungkin tidak akan mera-

sa bebannya tetapi bagi sesebuah negara membangun ia merupakan beban berat kepada kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah kerajaan membatalkan projek Bakun itu bukan sahaja untuk kepentingan negara tetapi juga merupakan sumbangan Malaysia kepada pemeliharaan ekologi dan alam sekitar dunia.

"Patutlah negara-negara yang lain juga, jikapun tidak menolong kita, tidak membuat perkara perkara yang merugikan kita.

"Sudahlah kita rugi tidak dapat membangunkan projek hidro elektrik Bakun, kita sekarang rugi pula dari segi penjualan kayu balak," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, negara-negara lain sekarang tidak harus mengenakan tekanan khususnya memboikot kayu balak negara.

"Negara-lah kata, kita harus kekalkan hutan kita. Ini bermakna kita tidak boleh menggunakan hutan untuk projek yang mendatangkan hasil. Jadi negara-negara maju sekurang-kurangnya tidak harus mengenakan tekanan lain kepada kita," ujarnya.

Beliau menambah: "Kita mungkin ada alternatif lain untuk ganti tapi kosnya akan tinggi dan kita tidak mampu belanja kos yang tinggi. Mungkin kita

dapat balik dari apa yang kita korbakan itu amat kecil."

Perdana Menteri berkata, projek hidro elektrik Bakun boleh menghasilkan kira-kira 3,000 megawatt dan jumlah itu tidak mungkin diperolehi sepenuhnya.

"Sebenarnya, potensi hidro elektrik di Sarawak ialah 80,000 megawatt yang cukup untuk membekalkan elektrik ke seluruh United Kingdom," katanya.

Keputusan kerajaan itu, kata Perdana Menteri, merupakan pengorbanan negara ini dan semoga usaha Malaysia memelihara alam sekitar akan dihargai.

Dalam ucapannya di majlis itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia masih lagi menjadi pendukung kuat dalam memelihara alam semulajadi yang bukan sahaja untuk kepentingan negara, bahkan dunia.

Katanya, hutan kekal di negara ini berjumlah 12.74 juta hektar dan 29 peratus daripadanya dipelihara atau dkekalkan sebagai hutan simpanan.

Beliau turut memberi jaminan bahawa Malaysia akan mengkaji segala pandangan dan kritikan membina daripada masyarakat antarabangsa ke arah memelihara alam sekitar demi masa depan bersama.